



# Akaun Pelaburan Wafiyah

Laporan Prestasi Dana  
Bagi Suku Tahunan Berakhir 31 Mac 2017

BANK ISLAM



# Akaun Pelaburan Wafiyah

Laporan Prestasi Dana Bagi Suku Tahunan Berakhir 31 Mac 2017

## 1.0 Maklumat Utama Dana

### Pemegang Akaun Pelaburan yang Dihormati,

Tahniah kerana menjadi pemegang Akaun Pelaburan Wafiyah Bank Islam, iaitu akaun pelaburan yang diperkenalkan untuk memenuhi keperluan pelaburan anda. Ia diperkenalkan di dalam sistem perbankan Islam Malaysia pada bulan Mei 2016 (bagi pelanggan Korporat) dan September 2016 (bagi pelanggan Peruncitan) selaras dengan pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013).

Kami dengan sukacitanya membentangkan Laporan Prestasi Dana Akaun Pelaburan Wafiyah yang berikut bagi Suku Tahunan Berakhir 31 Mac 2017.

### 1.1 Nama Produk

#### Akaun Pelaburan Wafiyah (Wafiyah) –

Di bawah Akaun Pelaburan Wafiyah ini, pemegang akaun pelaburan, sebagai muwakkil atau prinsipal, memberikan kuasa kepada Bank sebagai wakilnya untuk menjalankan aktiviti pelaburan patuh syariah bagi mencapai jangkaan pulangan hasil daripada pelaburan tersebut.

### 1.2 Jenis Akaun Pelaburan

Akaun Pelaburan Tidak Terhad - merujuk jenis akaun pelaburan yang mana pemegang akaun pelaburan memberikan mandat kepada Bank untuk membuat keputusan muktamad tanpa menetapkan apa-apa sekatan atau syarat tertentu.

### 1.3 Objektif Pelaburan Dana

- Menjana pulangan berkadar sederhana dalam tempoh yang dipersetujui berasaskan profil risiko aset tersebut

### 1.4 Strategi Pelaburan Dana

- Untuk memastikan pelaburan mencapai objektifnya sejajar dengan peruntukan aset bagi melindungi portfolio pelaburan.
- Pada masa ini, Bank melabur dalam Portfolio Pembiayaan Perumahan & Aset Tetap dan Pembiayaan Peribadi dengan tujuan untuk melindungi prinsipal dan menjana pulangan yang stabil ke atas aset pembiayaan.

### 1.5 Ciri-Ciri Akaun Pelaburan

Akaun Pelaburan Bertempoh. Tempoh pelaburan bagi pelanggan peruncitan adalah 1 bulan, 3 bulan dan 6 bulan. Manakala bagi pelanggan Korporat tempoh pelaburan minimum ialah 1 hari hingga maksimum 10 tahun atau berdasarkan budi bicara Bank.

### 1.6 Peruntukan Aset Pelaburan

Bank akan memperuntukkan dana pelabur dalam Portfolio Pembiayaan Perumahan & Aset Tetap dan Pembiayaan Peribadi yang sedia ada bagi menghasilkan keuntungan yang stabil.

### 1.7 Profil Pelabur

- Kategori Pelabur:
  - Peruncitan:
    - Individu (Pemastautin dan Bukan Pemastautin)
    - Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Korporat:

- Korporat
- Agensi Kerajaan
- Akaun Kerajaan
- Universities
- Syarikat dan Perkongsian
- Perniagaan Lain & Entiti Bukan Perniagaan
- Pelabur yang memerlukan tempoh pelaburan jangka pendek atau sederhana
- Pelabur yang memerlukan portfolio pelaburan patuh Syariah
- Pelabur dengan toleransi risiko yang rendah sehingga sederhana.
- Pelabur yang inginkan keuntungan yang stabil

**Nota:** Para pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan. Pelabur akan sentiasa terdedah kepada risiko yang berikut; risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan, risiko operasi dan risiko undang-undang. Untuk penjelasan lanjut mengenai setiap risiko, sila layari laman web Bank Islam.

### 1.8 Penilaian Aset Yang Diperuntukkan

Penilaian akan dijalankan setiap bulan yang merupakan sebahagian daripada proses untuk menentukan pulangan kepada pelabur. Pulangan akaun pelaburan ini akan dipengaruhi oleh prestasi aset yang diperuntukkan. Amaun prinsipal dan pulangan tidak dijamin dan pemegang akaun pelaburan menghadapi risiko tidak mendapat sebarang pulangan. Akaun pelaburan ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Walau bagaimanapun, struktur produk telah direka untuk mengurangkan risiko kehilangan prinsipal. Sekiranya berlaku pencairan, pemegang akaun pelaburan diutamakan daripada pendeposit.

### 1.9 Dasar Pembayaran Keuntungan

Keuntungan akan dibayar pada tarikh matang atau sebarang kekerapan bayaran (untuk pelabur dengan tempoh melebihi 15 bulan), seperti yang dipersetujui oleh pihak Bank dan Pelabur (contohnya, berasaskan bulanan/ suku tahunan/ setengah tahunan/ tahunan).

### 1.10 Penyata Bagi Sebarang Perubahan

Tiada perubahan pada objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan dalam tempoh suku tahunan ini.

## 2.0 Penyata Risiko

Di Bank Islam, Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab utama untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti perniagaannya dengan menetapkan kecenderungan risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan objektif keseluruhan perniagaan Bank serta profil risiko yang bersesuaian. Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah yang dibantu oleh Bahagian Pengurusan Risiko memastikan terdapat pengawasan yang berkesan terhadap pembangunan strategi, dasar, prosedur dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Bank.

## 3.0 Prestasi Dana

### 3.1 Prestasi bagi Suku Tahunan Berakhir 31 Mac 2017

Kedudukan	Saiz Dana RM'000	Pulangan Aset (ROA) %	Pulangan Pelaburan (ROI)* %			Tempoh Pengagihan
			1 bulan	3 bulan	6 bulan	
Januari	2,485,732	5.04	3.50	3.60	3.70	16 Feb 17 - 15 Mac 17
Februari	2,509,872	5.04	3.50	3.60	3.70	16 Mac 17 - 15 Apr 17
Mac	2,271,194	5.11	3.50	3.60	3.70	16 Apr 17 - 15 Mei 17

\* Atau seperti yang telah dipersetujui berdasarkan rundingan dengan Bank dan tertakluk pada Terma & Syarat

#### Nota:

Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Risalah Pendedahan Produk (PDS), Terma & Syarat dan Notis Pengesahan Pelaburan (yang mana berkenaan).

### 3.2 Peruntukan Aset

Portfolio Pembiayaan Perumahan & Aset Tetap dan Pembiayaan Peribadi

## 4.0 Pembayaran Keuntungan

### 4.1 Penyata Untung & Rugi

AKAUN PELABURAN WAFIYAH			
Penyata Untung & Rugi Bagi Suku Tahunan Berakhir 31 Mac 2017			
	Januari 2017 RM'000	Februari 2017 RM'000	Mac 2017 RM'000
Keuntungan daripada Pembiayaan	11,047	10,545	11,286
Perbelanjaan Langsung*	-	-	-
Elaun Bagi Penjejasan Pembiayaan	(771)	(742)	(653)
<b>Keuntungan Bersih</b>	<b>10,276</b>	<b>9,803</b>	<b>10,633</b>
Pulangan ke atas Aset	5.04%	5.04%	5.11%
Pulangan ke atas Pelaburan	<b>Berdasarkan jangkaan pulangan yang dipersetujui semasa pelaburan dibuat, tertakluk pada Terma &amp; Syarat</b>		


#### Nota:

- Pulangan ke atas Pelaburan untuk Akaun Pelaburan Wafiyah adalah berdasarkan jangkaan pulangan yang dipersetujui semasa pelaburan dibuat, tertakluk pada Terma & Syarat.
- Secara umumnya, berdasarkan sifat pelaburan produk, kadar Pulangan ke atas Pelaburan dijangka melebihi kadar pulangan deposit.

\*Perbelanjaan boleh dikenal pasti, boleh diukur dan perlu ditanggung untuk melengkapkan aktiviti pelaburan tertentu (termasuk pembiayaan).


## 4.2 Kajian Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap Setakat 31 Mac 2017

### Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap Mengikut Lokasi di Malaysia




Sebanyak 40.7% daripada jumlah Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap adalah dari wilayah Tengah. Ini menunjukkan pembiayaan kami lebih tertumpu kepada kawasan maju seperti Lembah Klang.

### Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap Mengikut Baki Tempoh Matang Kemudahan



Sebahagian besar daripada Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap mempunyai tempoh matang lebih daripada 15 tahun. Ini akan memastikan kestabilan dalam aliran keuntungan bank yang dapat memberikan manfaat kepada profil pulangan pelaburan terutamanya untuk pelabur jangka panjang.

### Kualiti Aset Untuk Portfolio Perumahan



Portfolio pembiayaan terjejas yang rendah menunjukkan kualiti aset yang kukuh.


### 4.3 Kajian Portfolio Pembiayaan Peribadi Setakat 31 Mac 2017

#### Pertumbuhan Portfolio Pembiayaan Peribadi dalam Bank Islam – dalam RM'Juta



Portfolio Pembiayaan Peribadi meningkat pada kadar 9.23% setahun. Peruntukan Aset untuk Wafiyah hanya untuk pelanggan Pembiayaan Peribadi yang bekerja di sektor awam.

#### Prestasi Kualiti Aset untuk Pembiayaan Peribadi Portfolio



Portfolio pembiayaan terjejas yang rendah menunjukkan kualiti aset yang kukuh.

## 5.0 Sorotan dan Prospek Ekonomi

Suasana ketidakpastian pasaran masih lagi ketara apabila pihak pentadbiran Amerika Syarikat (AS) mendapat perhatian daripada segenap lapisan. Dasar-dasar yang bakal diperkenalkan oleh Donald Trump dilihat bersifat populis dan juga lebih tertutup telah mendatangkan kebimbangan kepada pasaran kewangan. Manakala petunjuk-petunjuk ekonomi pula menunjukkan kedudukan ekonomi AS semakin pulih, justeru menyebabkan pihak Rizab Persekutan AS meneruskan rancangan mereka untuk menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas pada bulan Mac yang lalu. Di samping itu, sentiment di kalangan para peniaga seperti yang ditunjukkan oleh Global Purchasing Managers Index menunjukkan prospek pertumbuhan ekonomi global semakin baik. Di Malaysia, ekonomi domestik terus terkesan akibat daripada aliran modal keluar terutamanya di dalam pasaran bon. Sejumlah RM37 billion sekuriti hutang yang dipegang oleh para pelabur asing telah dijual menyebabkan kadar pulangan atau "yield" bagi MGS and GII meningkat pada suku pertama 2017. Namun, pelabur institusi asing rata-ratanya menunjukkan minat yang baik di dalam pasaran ekuiti apabila aktiviti dagangan mencatatkan pembelian bersih iaitu sebanyak RM5.8 billion pada suku pertama 2017 berbanding jualan bersih RM5.3 billion pada tempoh sebelumnya. Oleh itu, ekonomi negara dijangka akan terus dipacu oleh sektor luaran serta disokong oleh pelaksanaan projek infrastruktur seperti yang diumumkan oleh pihak kerajaan. Meskipun demikian, sentiment di kalangan para pengguna dijangka akan lebih berhati-hati terutamanya dari segi perancangan perbelanjaan berikutan kos sara hidup yang kian meningkat disamping sentiment yang lemah. Secara keseluruhan, kadar pertumbuhan ekonomi 2017 dijangka akan berada di antara 4.3% dan 4.8% seperti yang diunjurkan oleh pihak BNM.

## 6.0 Sorotan Pasaran Hartanah

Keadaan pasaran hartanah kediaman di Malaysia masih lagi berada pada tahap lemah dengan pelancaran projek perumahan baharu kekal perlahan ekoran sikap pemaju dan pembeli yang lebih berhati-hati. Walau bagaimanapun, kerajaan kekal komited dalam menetapkan dasar perumahan terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana melalui peruntukan rumah mampu milik. Inisiatif perumahan untuk menangani isu-isu rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana akan terus menjadi fokus utama oleh sektor awam dan swasta. Sebagai contoh, rumah mampu milik berharga kurang daripada RM300,000.00 seunit di bawah PR1MA merangkumi pelbagai program dan insentif. Antara lain, termasuklah meningkatkan tahap kelayakan pendapatan isi rumah daripada RM10,000 kepada RM15,000 sebulan melalui program "House for Rent", program Skim Pembiayaan Khas PR1MA, pengecualian duti setem ke atas pindah milik hartanah dan perjanjian pembiayaan untuk pembeli rumah kali pertama dan juga pengurangan ke atas moratorium pada penjualan dan penyewaan dari 10 tahun kepada 5 tahun sahaja. Kesimpulannya, sektor pasaran hartanah kediaman akan terus menguasai segmen pasaran, dengan tumpuan diberikan kepada "perumahan mampu milik". Pelarasan harga dan penstabilannya dijangka akan berlaku dengan bertambahnya penawaran rumah mampu milik daripada kedua-dua sektor awam dan swasta memasuki pasaran.

## 7.0 Sorotan Pembiayaan Peribadi

Perlaksanaan langkah-langkah untuk mengurangkan kadar keberhutangan dikalangan isi rumah yang diperkenalkan oleh pihak BNM pada tahun 2013 memberi kesan langsung terhadap pertumbuhan pinjaman/ pembiayaan kepada sektor isi rumah. Kad Kredit dan pinjaman/ pembiayaan peribadi mencatatkan pertumbuhan yang perlahan iaitu sebanyak 1.6 peratus dan 4.5 peratus pada bulan Mac 2017 berbanding 2.5 peratus dan 4.7 peratus pada bulan Disember 2016. Selain itu, sektor perbankan juga dilihat lebih berhati-hati dalam memberikan pinjaman/ pembiayaan kepada sektor ini dengan melaksanakan piawai yang tinggi dalam meluluskan setiap pinjaman/ pembiayaan. Justeru, nisbah pinjaman/ pembiayaan tidak berbayar industri terus menurun kepada 1.04 peratus setakat Mac berbanding 1.07 peratus pada bulan Disember 2016. Meskipun demikian, portfolio pembiayaan peribadi Bank Islam masih menunjukkan pertumbuhan yang sihat iaitu pada kadar 9.23 peratus setakat Mac. Kualiti aset pembiayaan peribadi juga dinilai berdasarkan panduan yang ditetapkan oleh pihak BNM dengan nisbah pembiayaan tidak berbayar berada pada kadar 0.44 peratus setakat Mac. Angka ini jauh lebih rendah berbanding nisbah pembiayaan tidak berbayar diperingkat industri iaitu 2.15 peratus pada bulan Mac 2017. Meskipun begitu, Bank Islam sentiasa peka dengan keadaan sekeliling yang mana isu kenaikan kos menjadi perkara utama didalam masyarakat di Malaysia disamping terdapatnya peningkatan di dalam kadar pengangguran negara. Kami berpegang teguh meneruskan dengan piawai yang tinggi yang dilaksanakan dalam urusan kelulusan pembiayaan peribadi serta pendedahan pembayaran melalui pemotongan atau pemindahan gaji kepada kakitangan kerajaan seharusnya mampu bagi mengurangkan risiko portfolio secara keseluruhan.

Disediakan oleh:  
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

**“LAPORAN PRESTASI DANA INI DISEDIAKAN SEMATA-MATA UNTUK MANFAAT PEMEGANG AKAUN PELABURAN DAN TIDAK BOLEH DISALIN, DIPETIK ATAU DIRUJUK SECARA KESELURUHAN ATAU SEBAHAGIANNYA TANPA KEBENARAN BERTULIS BANK ISLAM TERLEBIH DAHULU. BANK ISLAM TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SESIAPA SAHAJA SELAIN PIHAK YANG DIKENAL PASTI DALAM LAPORAN PRESTASI DANA INI BAGI MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM DOKUMEN INI”**